



Staran

AKHBAR

KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

MOD.100-2/1/2 JLD 3 (61) 01/06

**LAWATAN KERJA MENTERI PERTAHANAN MALAYSIA,
YB TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU KE NEGARA SINGAPURA**

Menteri Pertahanan Malaysia, YB Tuan Haji Mohamad bin Sabu sedang menghadiri *18th IISS Asia Security Summit Shangri-La Dialogue* bermula 31 Mei hingga 2 Jun 2019 di Hotel Shangri-La, Singapura.

Semasa persidangan tersebut YB Menteri Pertahanan akan turut menyampaikan ucapan bertajuk '*Asia's Evolving Security Order and its Challenges*' semasa sesi plenari ketiga pada 1 Jun 2019 bersama-sama Menteri Pertahanan France dan United Kingdom.

Persidangan ini merupakan program tahunan bertaraf antarabangsa yang melibatkan tokoh-tokoh penting di kalangan kerajaan dan bukan kerajaan di rantau Asia Pasifik dan di luar rantau yang membincangkan isu-isu keselamatan semasa dan akan datang.

Di persidangan ini juga, YB Menteri Pertahanan akan turut mengadakan pertemuan dua hala dan pelbagai hala sesama rakan sejawatan bagi membincangkan perkara-perkara berkaitan polisi pertahanan dan juga perkara-perkara berkaitan cabaran dalam mengekalkan keselamatan serantau di samping menubuhkan jaringan hubungan dan kerjasama pertahanan antara negara terlibat.

- Tamat -

Kementerian Pertahanan Malaysia
1 Jun 2019



Menteri Pertahanan, YB Tuan Haji Mohamad bin Sabu menghadiri mesyuarat Menteri-Menteri Pertahanan ASEAN-AS. Beliau menyuarakan kebimbangan Malaysia mengenai ancaman keganasan yang semakin meningkat dan isu pelarian Rohingya.



Menteri Pertahanan dalam mesyuarat dua hala dengan Ron Mark, Menteri Pertahanan New Zealand. Kedua-dua Menteri ini menyelar tindakan keganasan di Christchurch. Kedua-dua Menteri juga mengakui hubungan baik antara kedua-dua negara dan memastikan hubungan itu akan terus maju terutama melalui platform FPDA.



YB Tuan Haji Mohamad bin Sabu dan Harjit Singh Sajjan, Menteri Pertahanan Kanada bertemu buat pertama kalinya di Shangri-La Dialogue. Kedua-dua Menteri menyentuh cabaran-cabaran mengatasi keganasan dan menyatakan minat untuk terus bekerjasama dalam pelbagai bidang khususnya di bidang Kimia, Biologi, Radioaktif dan Pertahanan Nuklear (CBRN)



Menteri Pertahanan, YB Tuan Haji Mohamad bin Sabu bertemu dengan Setiausaha Pertahanan United Kingdom, Penny Mordant. Malaysia dan UK mengiktiraf hubungan dua hala yang sedia terjalin dan memberi jaminan komitmen mereka kepada FPDA. Mereka juga membincangkan mengenai kebimbangan ancaman keselamatan serantau terutamanya ancaman keganasan



Pertemuan Menteri Pertahanan, YB Tuan Haji Mohamad bin Sabu dan Dr. Ng Eng Hen, Menteri Pertahanan Singapura telah menghasilkan perbincangan yang positif mengenai pelbagai isu serantau. Antara perkara utama adalah keprihatinan mereka terhadap ancaman keganasan dan kepentingan pertukaran maklumat di kalangan negara-negara ASEAN